



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 57  
No. 18

**26hb Ogos 2004**

*TAMBAHAN No. 2  
PERUNDANGAN*

---

---

**Tr. P.U. 2.**

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG KEDUA)

PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI JUMAAH PANGKUAN NEGERI TERENGGANU

BAGI menjalankan kuasa-kuasa di bawah syarat (6) fasal XIX Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) Duli Yang Maha Mulia Sultan selepas berunding dengan Jumaah Pangkuan Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. (i) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Jumaah Pangkuan Negeri 2004** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2003.
- (ii) Tidak ada apa-apa pun dalam peraturan-peraturan ini boleh menghadkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan ataupun menghalang Duli Yang Maha Mulia dari menjalankan mana-mana kuasa yang berlawanan dengan mana-mana syarat peraturan-peraturan ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

2. (i) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah mengampuni perkenan supaya mesyuarat bulanan ditetapkan pada mana-mana tarikh dan hari yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.
- (ii) Sekiranya Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak dapat mempengerusikan mesyuarat tersebut, maka waris ganti hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Sekiranya Duli Yang Maha Mulia Sultan atau waris ganti tidak dapat mempengerusikan mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh melantik mana-mana ahli Jumaah Pangkuan Negeri untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

- (iii) Walau apa pun Peraturan 2(ii), jika tempoh perkhidmatan ahli Jumaah Pangkuan Negeri telah hampir tamat atau telah tamat dan jika pada masa yang sama Duli Yang Maha Mulia Sultan mangkat atau jika di atas apa-apa sebab, Duli Yang Maha Mulia Sultan menjadi kekal tidak berkeupayaan dalam menjalankan tugasnya akibat daripada keuzuran jasad, menyebabkan Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak dapat untuk melantik ahli Jumaah Pangkuan Negeri yang baru, maka ahli-ahli Jumaah Pangkuan Negeri yang ada pada masa tersebut, bolehlah terus menjalankan perkhidmatan mereka dan mempengerusikan mesyuarat pada waktu tersebut bagi membincangkan mana-mana perkara yang difikirkan perlu.
    - (iv) Tempoh perkhidmatan ahli Jumaah Pangkuan Negeri tersebut akan berterusan sehinggalah perlantikan mereka dibatalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan yang baru dilantik.
  3. (i) Mesyuarat boleh, jika perlu, membincangkan perkara-perkara yang berikut:
    - (a) kebajikan dan keelokan suasana susunan hal ehwal ketahtaan negeri;
    - (b) kebajikan kerabat-kerabat diraja yang akrab;
    - (c) tatakelakuan ahli-ahli Jumaah Pangkuan Negeri;
    - (d) hal ehwal kebajikan am rakyat negeri; dan
    - (e) mana-mana perkara yang difikirkan perlu oleh Pengerusi Jumaah Pangkuan Negeri.
  - (ii) Semua keputusan-keputusan yang telah dibuat di bawah peraturan-peraturan ini dengan peringatan mesyuarat kecuali Peraturan 2(iii) hendaklah dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sekiranya Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak mempengerusikan mesyuarat tersebut.
4. (i) Panggilan mesyuarat hendaklah bertulis dan diserahkan kepada tiap-tiap ahli.
  - (ii) Panggilan mesyuarat dengan agenda (jika ada) hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya empat hari sebelum daripada mesyuarat itu.
  - (iii) Dalam perkara-perkara yang mustahak disegerakan maka panggilan mesyuarat khas bolehlah dikeluarkan serta merta dengan apa-apa cara sekalipun.
5. (i) Adalah menjadi kewajipan kepada tiap-tiap ahli hadir pada tiap-tiap mesyuarat dan sekiranya ada sebab-sebab yang munasabah yang menyebabkan seseorang ahli tidak dapat hadir hendaklah dimaklumkan kepada Setiausaha sebelum dimulakan mesyuarat itu.
  - (ii) Nama-nama ahli yang hadir dan tidak hadir hendaklah dicatat bagi tiap-tiap kali mesyuarat itu.
  - (iii) Melainkan jika ahli telah dapat kebenaran tidak hadir sekiranya seseorang ahli tidak hadir mesyuarat tiga kali berturut-turut sama ada atas sebab uzur badan atau apa-apa sebab lain, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh meminta penerangan daripadanya sebab-sebab tidak hadir dan atas penerangannya Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah memutuskan sama ada ia patut dilanjutkan perkhidmatannya atau memberhentikannya.

6. (i) Segala perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jumaah Pangkuan Negeri hendaklah dirahsiakan.
- (ii) Sekiranya seseorang ahli mendapati ada perkara-perkara rahsia telah diketahui oleh ataupun dimaklumkan kepada seseorang yang bukan ahli maka hendaklah menjadi kewajibannya untuk menyampaikan perkara tersebut kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sama ada secara lisan atau bertulis, dan Jumaah Pangkuan Negeri hendaklah menyiasat dari mana rahsia tersebut telah diketahui dan sekiranya ada keterangan yang sah rahsia itu telah diketahui, maka pertuduhan bertulis hendaklah dikemukakan ke atas ahli itu dan ahli itu adalah dikehendaki untuk membuat, dalam tempoh 21 hari dari tarikh dia dimaklumkan pertuduhan itu, suatu representasi bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang padanya dia bergantung untuk membebaskan dirinya. Sebarang keputusan oleh Mesyuarat Jumaah ini berkenaan dengan pertuduhan itu hendaklah dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi apa-apa titah baginda.

#### KELEPASAN

7. Mana-mana ahli boleh meninggalkan negeri ini dengan keizinan Duli Yang Maha Mulia Sultan jika ia hendak meninggalkan negeri ini melebihi daripada empat puluh lima (45) hari berturut-turut.
8. (i) Mana-mana ahli yang meninggalkan negeri adalah dikehendaki memberitahu kepada Setiausaha secara bertulis alamat dan nombor telefon yang boleh dihubungi, dalam masa kelepasannya itu supaya apa-apa panggilan mustahak boleh disampaikan kepadanya.
- (ii) Seseorang ahli yang meninggal negeri itu wajib kembali dengan seberapa segera dan hadir mesyuarat apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan menghendaki kehadirannya dengan sebab-sebab yang mustahak.
9. Seseorang ahli yang bermaksud hendak mengerjakan haji ke Mekah atau melawat ke mana-mana tempat di luar negara bolehlah diizinkan sehingga 45 hari.
10. Peraturan-Peraturan Tetap bagi Jumaah Pangkuan Negeri 1961 [*Tr. LN 23*] yang disiarkan pada 3 Ogos 1961 dibatalkan.

Pada 24 Ogos 2004

[SUK.Tr.(S) 53/69 Bhg. 5(P); PUN.Tr. 15/44]

TENGGU BENTARA RAJA  
*Setiausaha*  
*Jumaah Pangkuan Negeri*  
*Terengganu*

THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU  
(SECOND PART)

THE STANDING RULES AND ORDERS OF THE JUMAAH PANGKUAN NEGERI TERENGGANU

In exercise of the powers conferred by Clause (6) of Article XIX of the Laws of the Constitution of Terengganu (Second Part), His Royal Highness the Sultan, after consultation with the Jumaah Pangkuan Negeri, makes the following rules:

1. (i) These rules may be cited as the **Standing Rules and Orders of the Jumaah Pangkuan Negeri 2004** and shall come into operation on 1 September 2003.
- (ii) Nothing in these rules contained shall limit the powers of His Royal Highness the Sultan nor shall it preclude His Royal Highness the Sultan from exercising any powers inconsistent with the provisions of these rules.

MEETINGS

2. (i) His Royal Highness the Sultan has agreed that the monthly meetings to be fixed on any date and day which will be agreed upon by His Royal Highness.
- (ii) In the event His Royal Highness the Sultan is unable to preside the meeting, the meeting shall be presided by the Waris Ganti. Where the Royal Highness the Sultan or the Waris Ganti is unable to preside the meeting, His Royal Highness the Sultan may appoint any one of the members of the Jumaah Pangkuan Negeri to preside the meeting.

- 
- (iii) Notwithstanding Regulation 2(ii), if the term of office of the members of the Jumaah Pangkuan Negeri is due for expiry or has expired and if at the material time His Royal Highness the Sultan has ceased to be a Sultan by reason of death or if for any reasons, His Royal Highness the Sultan has become permanently incapable to carry out His Royal Highness duties due to illness resulting His Royal Highness the Sultan being unable to appoint new members of the Jumaah Pangkuan Negeri, then the existing members of the Jumaah Pangkuan Negeri at that material time, may continue to carry out their term of office and preside the meeting at that material time to discuss any matter as it deems fit.
- (iv) The term of such members of Jumaah Pangkuan Negeri shall continue until their appointment is revoked by the newly installed Sultan.
3. (i) The meeting may, if necessary, discuss the following:
- (a) matters pertaining to the good order of the succession to the throne;
  - (b) matters pertaining to the welfare of the members of the Royal Household;
  - (c) matters pertaining to the Code of Conduct of the members of Jumaah Pangkuan Negeri;
  - (d) matters pertaining to the welfare of the subjects; and
  - (e) any matter as the President of the Jumaah Pangkuan Negeri deems fit.
- (ii) All decisions made under these rules together with the minutes of the meeting except Regulation 2(iii) shall be presented to His Royal Highness the Sultan if His Royal Highness did not preside the meeting.
4. (i) Notice of the meeting shall be in writing and to be delivered to each member.
- (ii) Notice of the meeting together with the agenda (if any) shall be given to the members at least four days before the meeting.
- (iii) In the event of an urgent matter the notice of special meeting may be issued by any other method.
5. (i) It shall be the duty of every member to attend every meeting and in the event of his being unable to attend the said meeting he shall inform the Secretary before the commencement of the meeting.
- (ii) Names of members that are present and absent shall be recorded in every meeting.
- (iii) With the exceptions of a member who absents himself with leave, if a member is absent from a meeting for three times consecutively on reasons of sickness or of any other reasons, His Royal Highness the Sultan may ask him for explanation reasons of his continued absence and upon his explanation His Royal Highness the Sultan may decide whether his services to be continued or to terminate him.

6. (i) All matters that were being discussed in the meetings of the Jumaah Pangkuan Negeri shall remain confidential.
- (ii) If any member has knowledge of any confidential matters being known by or informed to any non-member, it shall be his duty to report the said matter to His Royal Highness the Sultan either orally or in writing, and Jumaah Pangkuan Negeri shall investigate the source of the confidential matters being made known and if there is sufficient proof, a charge in writing shall be made against the said member who then shall be required within a period of twenty one days from the date of the charge is made known to him, a written representation, containing grounds upon which he would rely to exculpate himself. Any decision made by this meeting in respect of this charge shall be presented to His Royal Highness the Sultan for His Royal Highness consideration.

LEAVE

7. Any member may be allowed to leave the State with the permission of His Royal Highness the Sultan if he intends to leave the State exceeds forty five days consecutively.
8. (i) Any member who is leaving the State is required to inform the Secretary in writing his address and contact number, so that any urgent calls may be made on him when necessary during his leave.
- (ii) On reasons of urgency if His Royal Highness the Sultan requires any member who is on leave to return to the state and attend any meeting, he shall comply with the requirement.
9. A member who intends to go to Mecca on Pilgrimage or to visit any place outside the country may be granted leave if absence up to 45 days.
10. The Standing Rules and Orders of the Jumaah Pangkuan Negeri 1961 [*Tr. LN 23*] published on 3 August 1961 is hereby revoked.

Dated 24 August 2004

[SUK.Tr.(S) 53/69 Bhg. 5(P); PUN.Tr. 15/44]

TENGGU BENTARA RAJA  
*Secretary*  
*Jumaah Pangkuan Negeri*  
*Terengganu*

**Tr. P.U. 3.****ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360  
(BIL. 17 TAHUN 1360)****PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 11(ii)**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 11(ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 [*En. Tr. 17/1360*], Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Mesyuarat dengan ini membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan Jadual Kedua) 2004**.

(2) Perenggan 2 perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 April 2004.

**Pindaan kepada Jadual Kedua**

2. Jadual Kedua kepada Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 adalah dengan ini dipinda dengan menambah selepas perkataan “PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)” dengan perkataan “CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD”.

Bertarikh 12 Ogos 2004  
[SUK.Tr. 1130/14/67 Bhg. 4;  
PTG.Tr. 00/33/2003/B/002;  
PUN.Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 7]

AZMI BIN MOKTAR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*

**MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1360  
(NO. 17 OF 1360)****ORDER UNDER SECTION 11(ii)**

IN exercise of the powers conferred by section 11(ii) of the Malay Reservations Enactment 1360 [*En. Tr. 17/1360*], His Royal Highness the Sultan in Council hereby makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Malay Reservations Enactment (Amendment of Second Schedule) Order 2004**.

(2) Paragraph 2 of this order shall be deemed to have come into force on 14 April 2004.

### Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the Malay Reservations Enactment 1360 is hereby amended by adding after for the words “PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)” the words “CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD”.

Dated 12 August 2004  
[SUK.Tr. 1130/14/67 Bhg. 4;  
PTG.Tr. 00/33/2003/B/002;  
PUN.Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 7]

AZMI BIN MOKTAR  
*Clerk of Council*  
*Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA